



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**3 November 2020
17 Rabiulawal 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo I	•
Sinar Harian	• Tingkatkan Elaun Sara Hidup nelayan
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	✓ THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	
						8 3/11/2020

Tingkatkan Elaun Sara Hidup nelayan

S4 HIS 8 3/11/2020

Nelayan harap ada berita gembira dalam Belanjawan 2021

PONTIAN

Nelayan pantai di daerah ini berharap ada khabar gembira yang menanti mereka dalam pembentangan Belanjawan 2021 pada Jumaat ini.

Seorang nelayan, Mansor Maidin, 60, berkata, dia menantikan harapan agar kerajaan agar kerajaan Perikatan Nasional (PN) dapat meningkatkan kadar Elaun Sara Hidup Bulanan nelayan sebanyak RM300 ketika ini bagi membantu meringankan beban yang dianggung mereka.

Katanya, nelayan yang berpendapatan kecil amat berharap ada hadiah dan khabar gembira

dalam Belanjawan 2021.

"Kami harap kerajaan lebih membela nasib kami kerana kami juga terkesan dengan penularan koronavirus (Covid-19)."

"Kami juga penting kepada ekonomi negara kerana nelayan adalah pembekal utama sumber protein negara," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Dalam pada itu, Mansor turut meminta agar subsidi diesel dan petrol bagi golongan nelayan dikekalkan.

"Sudah tentu kami mahu kerajaan teruskekalkan subsidi petrol dan diesel kerana ia sangat membantu nelayan bagi meringankan beban kami," katanya.

Seorang lagi nelayan, Abu Samad Ali, 60, pula berharap



MANSOR



ABU SAMAD

agar kerajaan PN dapat meningkatkan lagi elauan sara hidup nelayan, terutama apabila tiba musim tengkujuh yang sememangnya boleh mengugat mata pencarian mereka.

Menurunnya, elauan sekaran memberi 'nafas' kepada nelayan untuk menampung keperluan keluarga apabila tidak turun ke laut, tambahan pula kos sara hidup yang tinggi pada masa kini.

"Pembentangan Belanjawan Negara 2021 pada Jumaat ini



Elaun RM300 yang ditariksa nelayan ketika ini dapat meninggalkan beban mereka terutama ketika musim tengkujuh.

ditunggu-tunggu nelayan kecil seperti kami. Sudah tentu Elaun Sara Hidup yang kami harapkan dapat ditengkatkan jumlahnya.

"Kerajaan yang prihatin pasti akan dapat melihat masalah yang dihadapi golongan nelayan kecil seperti kami," katanya.